

24/02/2003

PM hadir sidang khas OIC di Doha

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau akan menghadiri sidang tergempar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang dijadualkan di Doha, Qatar pada 4 dan 5 Mac ini.

Sidang tergempar itu dipanggil oleh Qatar, selaku Pengerusi OIC pada masa ini, yang dijangka menumpukan perhatian kepada krisis Iraq yang kini menghadapi ancaman serangan oleh Amerika Syarikat dan sekutunya.

"Saya kena hadirilah pasal kita buat mesyuarat (perbincangan tidak rasmi OIC yang dijadualkan pada 26 Februari ini) di sini dengan persetujuan Qatar dan kalau dia jemput kita, kena hadirilah," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata demikian kepada pemberita semalam selepas mengadakan pertemuan dua hala dengan tujuh pemimpin negara anggota NAM yang berada di sini untuk Sidang Kemuncak ke-13 pergerakan itu, hari ini.

Malaysia, tuan rumah kepada sidang kemuncak NAM, mengambil inisiatif menganjurkan perbincangan tidak rasmi negara OIC dengan mengambil kesempatan daripada kehadiran anggota OIC yang juga anggota NAM di sidang kemuncak ini. Daripada 114 negara anggota NAM, 50 adalah juga negara OIC.